



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
PERTANDINGAN AKHIR DONDANG SAYANG
ANTIRASUAH DAN INTEGRITI SECARA HIBRID ANJURAN
BERSAMA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
& JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA
PADA 25 SEPTEMBER 2021 (SABTU)
DI PANGGUNG SERI, KOMPLEKS JKKN NEGERI MELAKA
(WAKIL: YB DATUK MOHAMMAD JAILANI BIN KHAMIS)

***BismillahirRahmanirRahim,
Alhamdulillah Rabbil A'lamin, Wassolatuwassalamu
A'la Asyrafil Anbiyai Wal Mursalin, Wa A'la Alihi
Wasohbihi Ajmain, Amma Ba'du,***

Didahului dengan lafaz seafdal-afdal Selawat,

***Allahumma Solli A'la Saidina Muhammad Wa A'la Ali
Saidina Muhammad, Kama Sol-laita A'la Saidina
Ibrahim, Wa A'la A-li Saidina Ibrahim, Wa Barik A'la
Saidina Muhammad Wa A'la A-li Saidina Muhammad,
Kama Barakta A'la Saidina Ibrahim Wa A'la A'li
Saidina Ibrahim, Fil A'lamin Inna Hamidum Majid.***

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,
SALAM SEJAHTERA DAN SALAM MELAKAKU MAJU JAYA,
RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA,**

**YANG BERBAHAGIA DATUK SERI NORAZLAN MOHD
RAZALI,
TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA (PENCEGAHAN)
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
(SPRM);**

**YANG BERBAHAGIA DATUK RAZIM MOHD NOOR,
PENGARAH BAHAGIAN PENDIDIKAN MASYARAKAT
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
(SPRM);**

**YANG BERBAHAGIA TAN SRI PROF. DATUK WIRA DR.
ABD. LATIFF ABU BAKAR,
PENGERUSI BIRO SOSIO BUDAYA DUNIA MELAYU
DUNIA ISLAM;**

**YANG BERUSAHA TUAN HAJI MESRAN BIN MOHD.
YUSOF,
KETUA PENGARAH JABATAN KEBUDAYAAN DAN
KESENIAN NEGARA;**

SETERUSNYA, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN, PARA PEGAWAI KANAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI MELAKA SERTA SEMUA PENONTON MAYA MAHUPUN FIZIKAL YANG SEDANG MENYAKSIKAN PERTANDINGAN INI SECARA HIBRID.

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas izin dan limpah kurnia-Nya, pada hari ini dapat kita bersama-sama menyaksikan **Pertandingan Akhir Dondang Sayang Antirasuah dan Integriti secara hibrid anjuran bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia serta Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka.**

2. Terlebih dahulu, bagi pihak YAB Datuk Seri Utama Hj. Sulaiman bin Md. Ali, Ketua Menteri Melaka, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan syabas kepada pihak penganjur iaitu SPRM dan JKKN di atas penganjuran **Pertandingan Dondang Sayang Antirasuah dan Integriti yang dilaksanakan secara dalam talian ini.**

3. Saya juga ingin menyampaikan salam takzim daripada YAB Ketua Menteri, kerana tidak dapat bersama semua di majlis ini, disebabkan ketentuan lain yang telah diatur terlebih dahulu dan tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, YAB Datuk Seri

Utama mendoakan agar pertandingan ini berjalan lancar.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati,

4. Sebagaimana kita sedia maklum, hampir setiap tahun, kita telah melaksanakan Pertandingan Dondang Sayang yang bertujuan untuk meneruskan peranan pengiktirafan yang telah diberikan oleh UNESCO dalam memperjuangkan warisan seni Dondang Sayang sebagai “warisan tidak ketara” agar tidak luput di minda generasi muda dan terus berkembang serta dihormati di seluruh pelosok dunia.

5. Justeru, demi memperhebat seni warisan ini, Kerajaan Negeri Melaka melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Bahagian Promosi Pelancongan Negeri Melaka (Tourism Melaka), Institut Warisan Melaka (INSWA), Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), Melaka World Heritage dan semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka serta Persatuan Dondang Sayang Negeri Melaka proaktif menjalankan program dan aktiviti berkaitan Dondang Sayang bagi mengukuh, mengangkat dan memelihara warisan seni Dondang Sayang.

6. Alhamdulillah, kali ini kita bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melaksanakan Pertandingan Dondang Sayang Antirasuah sebagai kempen bagi membanteras penyalahgunaan kuasa, antirasuah serta memupuk nilai integriti yang tinggi untuk mewujudkan masyarakat yang berbudaya luhur.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati,

7. Saya difahamkan, pertandingan ini merupakan kali pertama dilaksanakan secara dalam talian bagi mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah diperuntukkan oleh Majlis Keselamatan Negara

(MKN). Pertandingan ini telah pun bermula sejak 12 Julai 2021 serta telah melalui 4 peringkat termasuk hari ini iaitu:-

- I. Bengkel Pertandingan
 - II. Saringan
 - III. Pertandingan Separuh Akhir; dan
 - IV. Pertandingan Akhir
8. Saya dimaklumkan seramai **40 orang** peserta daripada kategori kanak-kanak, remaja dan dewasa telah menyertai pertandingan ini, manakala hanya **19 orang** peserta yang akan berentap pada Pertandingan Akhir Dondang Sayang Antirasuah pada hari ini.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati,

9. Kerajaan Negeri Melaka sentiasa menyahut seruan memupuk nilai-nilai murni, dan pada masa yang sama dapat melestarikan seni dan budaya agar terus berkembang selaras dengan gagasan besar Kerajaan Negeri untuk menuju Negeri Lestari.

10. Saya berharap, dengan pelaksanaan pertandingan seperti ini, kita dapat menghidupkan semula seni warisan kita kepada generasi muda khususnya dalam kalangan belia, para pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi di samping mengajak semua

kelompok masyarakat untuk terus mencintai seni dan budaya Malaysia serta memupuk jati diri bangsa.

11. Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua para peserta bagi ketiga-tiga kategori, para panel juri, pembimbing, guru serta ibu bapa yang banyak menyokong program ini.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati,

12. Akhir kata, sekali lagi, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua agensi dan jabatan kerajaan, para petugas media dan pihak-pihak yang terlibat bagi memastikan kelancaran **Pertandingan Akhir Dondang Sayang Antirasuah dan Integriti ini.**

***Kelapa mayang ditaruk sagu
Ditutup daun pandan serata
Dondang Sayang si ibu lagu
Dalam pantun penuh cerita***

***Pengkalan Balak Tanjung Bidara
Cantik berseni jadi bualan
Rasuah ditolak ancam negara
Nilai yang murni jadikan amalan***

Sekian,

Wabillahitaufik walhidayah, Wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.